

SINONIM

Pilih perkataan yang **sama maksud** dengan perkataan yang bergaris.

- 1 Bunga mawar yang ditanam oleh emaknya di taman itu sedang mekar.
 - A layu
 - B hidup
 - C kuncup
 - D kembang

- 2 Puan Hasnah merupakan seorang wanita yang tabah menghadapi dugaan.
 - A kuat
 - B berani
 - C gentar
 - D kasar

- 3 Ketika fajar menyinsing, kedengaran bunyi kicauan burung dan kokokan ayam dari desa itu.
 - A petang
 - B senja
 - C malam
 - D subuh

- 4 Hasnul tidak dapat tidur nyenyak semalam kerana diganggu nyamuk.
 - A leka
 - B lena
 - C mudah
 - D selesa

- 5 Kucing ialah binatang yang boleh melihat dengan terang pada waktu malam.
 - A sepi
 - B nyata
 - C jelas
 - D kabur



- 6 Pasar malam menjadi **sunyi** apabila malam semakin larut.
- A riuh
 - B hiba
 - C tenang
 - D lengang
- 7 Keluarga Khalidi memberi **dorongan** kepadanya untuk berjaya.
- A sumbangan
 - B cadangan
 - C hasutan
 - D galakan
- 8 Encik Jamali menunaikan **amanat** datuk dengan sebaik-baiknya.
- A wasiat
 - B arahan
 - C utusan
 - D siasatan
- 9 Mak Cik Zainab memukul ular yang **melulur** anak ayamnya petang semalam.
- A menelan
 - B mematuk
 - C memakan
 - D memagut
- 10 Adik Suhaila **fasih** berbahasa Inggeris sejak dia berumur sepuluh tahun.
- A laju
 - B yakin
 - C tegas
 - D petah

- 11 Puan Zaiton amat **risau** akan penyakit yang dihadapi oleh anaknya.
- A takut
 - B sedih
 - C khuatir
 - D hampa
- 12 Encik Hamidi menyampaikan pendapatnya dengan suara yang **lantang** dalam mesyuarat itu.
- A kuat
 - B ragu
 - C cepat
 - D hebat
- 13 Cik Salina sedang menanam pokok bunga di **halaman** rumahnya.
- A anjung
 - B perkarangan
 - C belakang
 - D serambi
- 14 Ayah **mengherdik** adik kerana bermain di tempat kotor.
- A memujuk
 - B mengusir
 - C membentak
 - D menyanjung
- 15 Ruhainie berasa **hampa** apabila permohonannya memasuki universiti ditolak.
- A malu
 - B sedih
 - C kecewa
 - D terkilan



- 16 Loganathan **membantai** kucing hitam itu dengan sebatang penyapu.
- A menghentak
 - B memukul
 - C mengetuk
 - D menghentam
- 17 “ Tolong **alihkan** kerusi plastik itu ke tepi,” kata Siew Teng kepada adiknya.
- A tukarkan
 - B gantikan
 - C ubahkan
 - D buangkan
- 18 Encik Abdullah sekeluarga akan **berhijrah** ke Sabah pada bulan hadapan.
- A beralih
 - B berpindah
 - C bertandang
 - D berangkat
- 19 Saya **sering** makan di restoran itu kerana masakannya sedap belaka.
- A selalu
 - B jarang
 - C kadang-kadang
 - D sesekali
- 20 Kami **menikmati** panorama indah di Pulau Tioman itu ketika berkunjung ke sana pada hujung tahun lepas.
- A mendapati
 - B menggemari
 - C menghayati
 - D mengingati

- 21 Tok Wan sedang **mengutip** buah-buah durian yang gugur malam tadi.
- A menghimpun
 - B melonggok
 - C menyimpan
 - D memungut
- 22 “ Air Sungai Kerian telah **mencecah** ke paras bahaya,” kata ketua kampung.
- A tiba
 - B tepat
 - C dekat
 - D sampai
- 23 “ Kalau tiada **aral**, saya akan ke rumah Pak Long minggu depan,” kata Fauzan.
- A urusan
 - B halangan
 - C sekatan
 - D bantahan
- 24 Mohd Kamal terus turun ke tanah dan menuntun neneknya ke tangga dapur.
- A menghela
 - B memimpin
 - C mengheret
 - D memegang
- 25 Walaupun Shafizan seorang murid yang **pandai** tetapi dia tidak sombong.
- A cerdik
 - B cantik
 - C rajin
 - D berjaya

- 26 Bas yang membawa tiga puluh penumpang itu **terjunam** ke dalam gaung sedalam tiga puluh meter.
- A terlajak
 - B terjatuh
 - C tergelincir
 - D terperosok
- 27 Semenjak saya **berkawan** dengan Basariah, dia tidak pernah bercakap bohong walau sekalipun.
- A berteman
 - B bersahabat
 - C berkenalan
 - D bersama
- 28 Majlis suai kenal **pelatih** kolej kejururawatan itu diadakan dengan pelbagai acara pentas yang menarik.
- A petugas
 - B pengawal
 - C pegawai
 - D penuntut
- 29 “Buah-buahan **tempatan** memang banyak khasiatnya,” kata ayah.
- A tempahan
 - B setempat
 - C negara kita
 - D negara luar
- 30 “Fikirlah dahulu sebelum membuat sebarang **keputusan**,” nasihat Puan Hasiah kepada anaknya.
- A tuntutan
 - B tindakan
 - C kesilapan
 - D keinsafan

- 31 Lampu-lampu di rumah besar itu masih **bernyala** walaupun hari telah meninggi.
- A marak
 - B berapi
 - C terpancar
 - D terpasang
- 32 Pandangan yang kamu **kemukakan** akan dipertimbangkan.
- A kasikan
 - B laporkan
 - C usulkan
 - D jelaskan
- 33 “ Kereta Naza Citra itu **kepunyaan** Cikgu Yusof,” kata Dang Suria kepada kawan-kawannya.
- A milik
 - B harta
 - C keinginan
 - D kenderaan
- 34 Murid-murid Kelas Empat Kenanga yang keracunan makanan itu segera **dikejarkan** ke hospital.
- A dibawa
 - B dilarikan
 - C dipindahkan
 - D dikuarantinkan
- 35 Keris Taming Sari yang menjadi **lagenda** sejak turun-temurun itu akan dipamerkan di Muzium Negara minggu hadapan.
- A petanda
 - B kisah
 - C riwayat
 - D keagungan



- 36 “ Cis, membujur lalu melintang patah, alang-alang menyeluk pekasam biar sampai ke pangkal lengan! ” **teriak** Datuk Paduka Raja dengan lantangya.
- A tangis
 - B laung
 - C raung
 - D jerit
- 37 “ Sepandai-pandai tupai melompat, **akhirnya** jatuh ke tanah juga,” kata Inspektor Rashid.
- A tamatnya
 - B tempatnya
 - C kesudahannya
 - D kemudiannya
- 38 Rakyat Malaysia yang **berbagai-bagai** bangsa hidup dalam suasana yang harmoni dan saling membantu.
- A berkira
 - B berbilang
 - C bermasyarakat
 - D berkaum-kaum
- 39 Doktor Laili tidak pernah **mementingkan** diri sendiri. Beliau sentiasa menghulurkan bantuan dan pertolongan kepada orang yang memerlukan.
- A memikirkan
 - B mengutamakan
 - C mengorbankan
 - D menghambakan
- 40 Fikirannya semakin **bercelaru** sejak kegagalannya mempertahankan jawatan Pengarah Besar di syarikat itu.
- A haru-biru
 - B tunggang-langgang
 - C kusut-masai
 - D kacau-bilau



- 41 Hujan lebat yang turun sejak **semalam** telah menenggelamkan beberapa buah kampung di daerah itu.
- A kelmarin
 - B hari ini
 - C esok
 - D lusa
- 42 Sempadan antara Malaysia dan Thailand dikawal **rapi** oleh tentera kedua-dua buah negara.
- A selia
 - B kemas
 - C ketat
 - D baik
- 43 Guru kelas Empat Jaya telah **mengumumkan** keputusan Peperiksaan Pertengahan Tahun.
- A menyampaikan
 - B mengisytiharkan
 - C menyatakan
 - D melaksanakan
- 44 Persekitaran Tanah Tinggi Cameron sungguh **indah** dan menarik perhatian pelancong.
- A cantik
 - B lawa
 - C megah
 - D gagah
- 45 Ikan paus ialah sejenis mamalia yang **hidup** di dalam laut.
- A tinggal
 - B berada
 - C bernafas
 - D berkeluarga

- 46 **Pelancong** asing yang menyewa di bilik hotel itu telah pulang ke negaranya.
- A pelawat
 - B penjawat
 - C pedagang
 - D pendatang
- 47 Menara Berkembar Petronas yang tinggi **mencecah** awan itu menjadi tarikan pengunjung ke bandar raya Kuala Lumpur.
- A mencapai
 - B menggapai
 - C mengawan
 - D menggunung
- 48 Artis yang sedang **membuat** persembahan di atas pentas itu adalah rakan lama saya.
- A mendirikan
 - B melakukan
 - C mengadakan
 - D menjalankan
- 49 Pihak polis **mengedar** poster kepada semua pengguna lebuhraya sempena Kempen Keselamatan Jalanraya.
- A memberi
 - B menghulur
 - C mengepos
 - D menghantar
- 50 Sebuah jejambat akan dibina di persimpangan itu kerana lalu-lintas di situ semakin **sibuk**.
- A kalut
 - B sesak
 - C sumbat
 - D penuh

JAWAPAN SINONIM

No. Soalan	Abjad	Jawapan	No. Soalan	Abjad	Jawapan
1	D	kembang	26	B	terjatuh
2	A	kuat	27	B	bersahabat
3	D	subuh	28	D	penuntut
4	B	lena	29	C	negara kita
5	C	jelas	30	B	tindakan
6	D	lengang	31	D	terpasang
7	D	galakan	32	C	usulkan
8	A	wasiat	33	A	milik
9	A	menelan	34	A	dibawa
10	D	petah	35	D	keagungan
11	C	khuatir	36	D	jerit
12	A	kuat	37	C	kesudahannya
13	B	perkarangan	38	B	berbilang
14	C	menengking	39	B	mengutamakan
15	C	kecewa	40	D	kacau-bilau
16	B	memukul	41	A	kelmarin
17	C	ubahkan	42	C	ketat
18	B	berpindah	43	B	mengisytiharkan
19	A	selalu	44	A	cantik
20	C	menghayati	45	A	tinggal
21	D	memungut	46	A	pelawat
22	D	sampai	47	B	menggapai
23	B	halangan	48	C	mengadakan
24	B	memimpin	49	A	memberi
25	A	cerdik	50	B	sesak